



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- |   |    |
|---|----|
| - Selangor salah guna dana Marris baik pulih dewan? | 30 |
| - KEMBARA KASEH OKB MRT                             | 30 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Selangor salah guna dana Marris baik pulih dewan?
Muka Surat	30

## // Selangor salah guna dana Marris baik pulih dewan?

**SHAH ALAM 26 Julai** - Kerajaan PKR Selangor didakwa menyalahgunakan dana di bawah Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya (Marris) apabila membayai projek membaik pulih dua dewan orang ramai masing-masing di Kampung Padang Jawa dan Kampung Kuantan di sini.

Dakwaan itu dikemukakan Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Shah Alam, Datuk Azhari Shaari berdasarkan papan tanda kerja-kerja menaik taraf di kedua-dua dewan berkenaan sebelum ini dikatakan tertera sebagai 'Projek Infrastruktur Marris'.

"Dana Marris pada pandangan saya ialah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri untuk menyelenggara infrastruktur jalan di Selangor, bukannya membiayai pembinaan atau membaik pulih dewan orang ramai."

"Jadi, apa asas kerajaan negeri menggunakan peruntukan Mar-



**AZHARI SHAARI** (depan, dua dari kanan) menunjukkan gambar papan tanda projek dewan orang ramai yang didakwa menggunakan dana Marris di Padang Jawa, Selangor, kelmarin. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

ris untuk menjalankan kerja-kerja menaik taraf dewan orang ramai di Kampung Padang Jawa dan

Kampung Kuantan itu. Apakah kerajaan negeri cuba memesongkan dana Kerajaan Persekutuan

itu untuk tujuan lain.

"Maka, kita tuntut penjelasan kerajaan negeri khususnya Menteri Besar (Datuk Seri Mohamed Azmin Ali) mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita di Kampung Padang Jawa, di sini.

Azhari turut mendakwa, papan tanda yang bertulis Projek Infrastruktur Marris yang dinaikkan taraf di dua kawasan dewan orang ramai itu dikatakan telah ditukar semalam selepas ia menjadi tular di laman sosial.

Bagaimanapun, beliau tidak yakin jika berlaku kesilapan kerajaan negeri mengeluarkan papan tanda berkenaan kerana kerja-kerja membaik pulih dewan orang ramai di dua kampung berkenaan dilakukan oleh dua syarikat kontraktor yang berbeza.

"Kita akan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia jika kerajaan negeri gagal memberi penjelasan," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	KEMBARA KASEH OKB MRT
Muka Surat	30

## KEMBARA KASEH OKB MRT



PERSATUAN Orang Kota Bharu (POKB) turut mengambil kesempatan untuk menaiki tren Transit Aliran Massa (MRT) Jajaran Sungai Buloh-Kajang yang dibuka kepada orang ramai sejak seminggu lalu.

Rombongan yang diketuai Presiden POKB, Datuk Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad yang bermula dari stesen Kajang hingga ke stesen Sungai Buloh itu turut disertai Pengerusi Ahli Majlis Penasihat Ahli OKB Orang Kurang Upaya (OKU), Datuk Malik Abdullah, dua ahli OKB OKU dan empat orang pengawal MRT Corporation Sdn. Bhd.

Menurut Sheikh Ahmad Dusuki, kemudahan yang ditawarkan adalah setanding dengan negara luar terutama kepada ibu mengandung, warga emas dan golongan OKU.

"Setiap tren disediakan dua tempat duduk untuk OKU yang berkerusi roda, selain tandas dan

turut dilengkapi kemudahan surau di setiap stesen.

"Pembinaan MRT hasil idea Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ini benar-benar memberi manfaat kepada rakyat terutama dalam mengurangkan kesesakan dan menjimatkan masa serta wang ringgit," katanya.

Beliau turut berharap, projek pembinaan MRT tidak dijadikan isu politik seperti yang dilakukan sebelumnya pihak.

"POKB menyokong penuh projek MRT dan berharap satu hari nanti kemudahan ini akan dibina di negeri-negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak," katanya.

■ SHEIKH AHMAD DUSUKI SHEIKH MOHAMAD (tiga dari kanan) dan Malik Abdullah ketika mengikuti Kembara Kaseh OKB MRT di Kuala Lumpur, baru-baru ini.